



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**PROGRAM PERUBATAN/BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
MAJLIS OPTIK MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN PENUH JURUOPTIK
DAN OPTOMETRI DI BAWAH SEKSYEN 18 DAN 19 AKTA OPTIK 1991**

TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN

1 JANUARI 2023

1. NAMA INSTRUMEN PERATURAN

Garis Panduan Bagi Permohonan Pendaftaran Penuh Juruoptik Dan Optometri Di Bawah Seksyen 18 dan 19, Akta Optik 1991.

2. NAMA AGENSI PENGAWAL SELIA INSTRUMEN PERATURAN

Majlis Optik Malaysia (MOC)

3. PUNCA KUASA

- Akta Optik 1991
- Peraturan-Peraturan Optik 1994

4. OBJEKTIF PERLESENAN

Mendaftarkan mana-mana individu yang layak untuk menjalankan amalan optometri di Malaysia.

5. KETERANGAN

Pendaftaran Penuh Juruoptik

Mana-mana individu berusia 18 tahun dan ke atas serta memegang kelulusan dari institusi yang diiktiraf dalam Jadual Pertama Akta Optik 1991 adalah layak dan boleh didaftarkan sebagai juruoptik berdaftar sebagaimana tertakluk di bawah seksyen 18 Akta Optik 1991.

Pendaftaran Penuh Optometris

Mana-mana individu berusia 18 tahun dan ke atas serta memegang kelulusan dari institusi yang diiktiraf dalam Jadual Kedua Akta Optik 1991 adalah layak dan boleh didaftarkan sebagai optometris berdaftar sebagaimana tertakluk di bawah seksyen 19 Akta Optik 1991.

6. SASARAN PENGGUNA/PEMOHON INSTRUMEN PERATURAN

Individu yang telah tamat pengajian program opticianri dan optometri.

7. BILA PERLU DIPOHON

Pendaftaran Penuh Juruoptik

- **Seksyen 18(1):** permohonan boleh dibuat selepas tamat program opticianri dari institusi yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Optik 1991.
- **Seksyen 18(2):** permohonan boleh dibuat selepas tamat program opticianri dari institusi yang tidak tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Optik 1991. Pemohon akan didaftarkan setelah lulus dalam Penilaian Kelayakan Profesional (PQA) juruoptik.

Pendaftaran Penuh Optometris

- **Seksyen 19(1):** permohonan boleh dibuat selepas tamat program optometri dari institusi yang tersenarai dalam Jadual Kedua Akta Optik 1991.
- **Seksyen 19(2):** permohonan boleh dibuat selepas tamat program optometri dari institusi yang tidak tersenarai dalam Jadual Kedua Akta Optik 1991. Pemohon akan didaftarkan setelah lulus dalam Penilaian Kelayakan Profesional (PQA) optometris.

8. KAEDAH PERMOHONAN - AKSES (ATAS TALIAN / MANUAL)

Atas talian	Tiada
Manual	<p>Borang permohonan boleh didapati di https://hq.moh.gov.my/moc/borang-borang/</p> <p>Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen sokongan mestilah dihantar secara pos atau serahan tangan ke alamat berikut;</p> <p>Majlis Optik Malaysia, Aras 2, Blok E1, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 WP Putrajaya</p>

9. PIAGAM PELANGGAN

Sijil Pendaftaran Penuh akan dihantar kepada pemohon dalam tempoh **14** hari bekerja selepas pembayaran fi pendaftaran dibuat.

10. SYARAT-SYARAT SEBELUM/ SELEPAS PERMOHONAN

Syarat-syarat sebelum permohonan

- Pemohon adalah warganegara Malaysia.
- Berusia 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan di kemukakan.
- Memiliki kelayakan yang tersenarai dalam Jadual Pertama atau Jadual Kedua Akta Optik 1991.
- Pemohon tidak melakukan kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan dan keburukan akhlak atau kesalahan yang boleh dikenakan hukuman penjara (sama ada hukuman penjara itu sahaja atau sebagai tambahan atau sebagai ganti suatu denda) selama suatu tempoh satu tahun atau ke atas.

Syarat-syarat selepas permohonan

- Pemohon **diwajibkan** hadir ke Majlis Optik Malaysia untuk sesi pendaftaran dan taklimat berkaitan tata amalan dan peraturan sebagai pengamal optometri di Malaysia.
- permohonan yang telah diluluskan pada hari pendaftaran adalah **diwajibkan** membuat pembayaran dalam tempoh **satu (1)** bulan dari tarikh tersebut.

11. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN

- i. Muat turun borang permohonan untuk pendaftaran Juruoptik/Optometrus dari portal rasmi MOC di <https://hq.moh.gov.my/moc/borang-borang/>
- ii. Lengkapkan borang permohonan untuk pendaftaran Juruoptik / Optometrus. Borang 5 atau Borang 6 - permohonan untuk pendaftaran Juruoptik manakala Borang 7 - permohonan untuk pendaftaran optometrus.
- iii. Sediakan dokumen sokongan yang telah disahkan oleh peguambela atau peguamcara atau pegawai kerajaan dari skim pengurusan dan profesional (gred 41 dan ke atas).
- iv. Hantarkan permohonan yang telah lengkap ke pejabat MOC di Putrajaya secara pos atau serahan tangan.
- v. Tunggu maklumbalas dari pihak MOC berkaitan permohonan melalui emel atau panggilan telefon. Permohonan yang telah lengkap akan mendapat emel berkaitan tarikh dan masa untuk hadir ke MOC bagi tujuan pendaftaran.


Hari Pendaftaran

- i. Hadir ke pejabat MOC pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan. Pemohon diwajibkan untuk membawa salinan asal sijil kelahiran, kad pengenalan serta sijil diploma/ijazah @ transkrip pengajian.
- ii. Pakaian mestilah sesuai dan sopan:
 - Bagi lelaki – memakai kemeja berkolar dan berseluar 'slack' panjang
 - Bagi perempuan – memakai baju berlengan, berseluar panjang atau kain yang melebihi paras lutut.
- iii. Tunggu giliran untuk semakan permohonan pendaftaran.
- iv. Hadiri taklimat berkaitan Pengenalan kepada MOC, Akta Optik 1991, Pendaftaran & APC, Panduan Pengumpulan mata CPD Pengamal Optometri dan Pengenalan kepada Apel C.
- v. Bersurai

Selepas Hari Pendaftaran

- i. Terima emel untuk membuat pembayaran fi pendaftaran sebanyak RM100.00 melalui sistem MHPS. Pembayaran mestilah dibuat dalam tempoh **satu (1)** bulan selepas menghadiri hari pendaftaran.
- ii. Pemohon yang telah berjaya membuat bayaran akan disahkan secara automatik melalui sistem MHPS dan akan mendapat nombor pendaftaran penuh pengamal optometri.
- iii. Sijil perakuan pendaftaran pengamal akan diposkan secara pos berdaftar mengikut alamat surat-menyurat pemohon.

CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN PENUH JURUOPTIK/OPTOMETRIS DI BAWAH SEKSYEN 18 & 19 AKTA OPTIK 1991



12. SENARAI KEPERLUAN MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN

BIL	NAMA MAKLUMAT/DOKUMEN
1	Borang 5 (Borang permohonan untuk pendaftaran juruoptik Seksyen 18(1) Akta Optik 1991 atau Borang 6 (Borang permohonan untuk pendaftaran juruoptik Seksyen 18(2) Akta Optik 1991 atau Borang 7 (Borang Permohonan Untuk Pendaftaran optometris Seksyen 19 Akta Optik 1991
2	Salinan surat beranak yang telah disahkan
3	Salinan kad pengenalan yang telah disahkan
4	Salinan diploma @ ijazah / transkrip yang telah disahkan
5	Gambar berukuran paspot (1 keping)

** Dokumen sokongan (salinan surat beranak/kad pengenalan/ijazah@transkrip) mestilah disahkan dari salinan asal oleh peguam cara @ peguambela @ pegawai kerajaan dari kumpulan pengurusan & profesional gred 41 dan ke atas) sahaja.*

13. DOKUMEN YANG PERLU DI BAWA PADA HARI PENDAFTARAN

BIL	NAMA MAKLUMAT/DOKUMEN
1	Salinan asal surat beranak
2	Kad Pengenalan
3	Salinan asal diploma @ ijazah / transkrip rasmi

14. SENARAI PEMBAYARAN

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN
1	Pendaftaran	RM100	Secara dalam talian melalui sistem MHPS.

15. KEPUTUSAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

Output	mhps.moh.gov.my
Kaedah Penyampaian Keputusan Kepada Pemohon	Sijil Pendaftaran Penuh akan dihantar kepada pemohon melalui pos berdaftar ke alamat surat - menyurat pemohon.

16. RUJUKAN YANG BERKAITAN

1. Akta Optik 1991
2. Peraturan-Peraturan Optik 1991
3. Borang 5/ Borang 6 (Borang Permohonan Untuk Pendaftaran Juruoptik)
4. Borang 7 (Borang Permohonan Untuk Pendaftaran Optometris)